



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (46)

SIARAN MEDIA

PELEPASAN SEMULA PENYU LIPAS (*LEPIDOCHELYS OLIVACEA*) DI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 17 November 2025 – Satu majlis pelepasan semula penyu lipas (*Lepidochelys olivacea*) betina berumur 15 tahun telah diadakan hari ini di perairan Pulau Pinang, disempurnakan oleh Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Penyu ini telah menjalani proses pemulihan selama setahun akibat kecederaan sirip dayung kanan hadapan yang parah, setelah terbelit pukat hanyut nelayan di perairan Tanjung Tokong.

Penyu ini diselamatkan oleh nelayan tempatan dan diserahkan kepada Pusat Konservasi Penyu Pantai Kerachut (PKPP) untuk rawatan dan pemulihan. Proses pemulihan telah dibantu oleh kakitangan PKPP, Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, serta pihak Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Rantau Abang, Terengganu.

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Haji Adnan bin Hussain berkata pelepasan ini menandakan kejayaan usaha pemuliharaan dan komitmen berterusan Jabatan Perikanan Malaysia dalam memastikan kelestarian spesies penyu lipas di negara ini. Setiap penyu yang dilepaskan adalah bukti nyata kejayaan kerjasama antara komuniti nelayan dan pihak berkuasa.

"Sejak tahun 2021 hingga 2025, sebanyak 15,485 ekor anak penyu telah berjaya dilepaskan. Di Pulau Pinang sahaja, sebanyak 78,394 ekor penyu telah berjaya ditetaskan dan dilepaskan. Aktiviti konservasi ini turut menarik minat pelawat, dengan PKPP Pantai Kerachut menerima seramai 36,353 pelawat sehingga Oktober 2025, terdiri daripada 24,392 pelawat tempatan dan 11,961 pelawat antarabangsa. Selain itu, PKPP telah melaksanakan pelbagai taklimat pendidikan, program kesedaran awam, dan aktiviti sukarelawan sepanjang Januari hingga Oktober 2025," ujarnya.

Jabatan Perikanan Malaysia akan terus memperkukuh usaha pemuliharaan penyu melalui kerjasama strategik bersama komuniti setempat, agensi kerajaan dan pihak berkepentingan, bagi memastikan kelestarian populasi penyu dan ekosistem marin negara dapat dipelihara untuk generasi akan datang.

Pautan gambar :

<https://drive.google.com/drive/folders/1vqCqHHGHIPyceb8DoaZhzeRHnOH3wcN>

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya


E-mel : ukk@dof.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan